

# PEMATUHAN GARIS PANDUAN SKM: PENGURUSAN KOPERASI

Siti Maimunah Jerni\*, Mohd Zaib Mat Yunus,  
Yusnita Othman, Noor Shafeeza Zainuddin  
*Maktab Koperasi Malaysia*

## ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan pengwujudan dan pematuhan Garis Panduan(GP) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi meningkatkan tadbir urus yang baik dalam koperasi. Penyelidikan ini melibatkan 35 buah koperasi yang dikategorikan sebagai koperasi berimpak sederhana dan besar yang dikelaskan sebagai koperasi Tier I dan Tier II oleh pihak SKM. Seramai 70 orang responden yang terdiri daripada Lembaga koperasi, pengurus, kakitangan dan Jawatankuasa Audit Dalaman(JAD). Penyelidik juga telah menetapkan bahawa kategori ketidakpatuhan kepada GP dinilai apabila didapati koperasi tidak mematuhi walaupun satu peruntukan dalam GP berkenaan. Daripada analisis yang dibuat mendapati hanya 13 buah koperasi yang patuh sepenuhnya GP pengurusan koperasi. Manakala 22 buah koperasi mempunyai pelbagai kesalahan ketidakpatuhan ke atas GP. Ketidakpatuhan ini kebanyakannya berlaku ke atas GP 14 : berkaitan dengan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi sebanyak 18 ketidakpatuhan, diikuti oleh GP 4 : Pelantikan dan Fungsi JAD sebanyak sembilan (9) ketidakpatuhan, GP 3 : Pelantikan dan pelantikan semula ALK sebanyak lima (5) ketidakpatuhan dan GP 26 : Juruaudit yang diberi kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 61 (1) Akta Koperasi 1993 mempunyai satu (1) ketidakpatuhan. Walau bagaimanapun secara keseluruhan hasil penyelidikan ini mendapati koperasi tidak mempunyai masalah dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam pematuhan GP berkaitan dengan pengurusan koperasi.*

**Kata Kunci:** *Garis Panduan (GP), Ketidakpatuhan, Pematuhan*

---

\*E-mel penulis: maimunah@mkm.edu.my

## **PENGENALAN**

Tahun 1922 merupakan tahun yang mengukir sejarah koperasi di Malaysia, kerana pada tahun ini sebuah koperasi pertama berjaya didaftarkan di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pekerja-Pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad. Bermula pada tahun inilah bilangan koperasi di Malaysia mula meningkat dari tahun ke tahun, aktiviti perniagaan koperasi mula pelbagai, dan perundangan koperasi mula diselaraskan di bawah Akta Koperasi 1993. Ini menyebabkan perkembangan gerakan koperasi di Malaysia agak menggalakkan dan kepercayaan serta keyakinan masyarakat terhadap kemampuan koperasi sebagai mekanisme pembangunan ekonomi masyarakat semakin meningkat. Bagi memantapkan lagi perkembangan gerakan koperasi di Malaysia, Dasar Koperasi Negara (DKN) 2001-2010 diperkenalkan, dan ini mempertingkatkan perkembangan gerakan koperasi, kesejahteraan masyarakat serta sumbangan kepada pembangunan negara.

Pada tahun 2010, wujudnya DKN 2011-2020 yang menetengahkan lima (5) teras strategik bagi memacu sektor koperasi sebagai penyumbang berkesan kepada pembangunan negara. Salah satu teras strategik yang utama ialah teras strategik kelima yang memfokus kepada strategi memperkukuhkan koperasi melalui seliaan dan penguatkuasaan. Bagi merealisasikan strategi ini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia(SKM) telah mengeluarkan Garis Panduan (GP), Surat Pekeliling atau Notis yang akan memperkukuhkan lagi mana-mana peruntukan yang terkandung di dalam Akta koperasi 1993 (Pindaan) 2007 bagi memastikan peningkatan tadbir urus koperasi dalam operasi sehariannya.

## **PENYATAAN MASALAH**

Tadbir urus yang baik merupakan kunci kepercayaan anggota ke atas sesebuah koperasi. Tadbir urus koperasi dikaitkan dengan modal insan dalam koperasi yang melibatkan anggota koperasi, kepimpinan koperasi, sistem kawalan koperasi, perundangan dan struktur organisasi koperasi yang menunjukkan mekanisme pelaksana yang kompeten. Untuk memantapkan tadbir urus koperasi agar sealiran dengan keadaan pasaran yang kompetitif, SKM telah membuat pindaan Akta Koperasi 1993 (pindaan) 2007 untuk memperkemaskan perundangan dan pengukuhan pengawalseliaan sektor koperasi. Pindaan bertujuan untuk meningkatkan tahap tadbir urus koperasi yang melibatkan subseksyen 43 (2) dan (3) yang memberi kuasa kepada SKM untuk menentusah calon yang akan dilantik menjadi Anggota Lembaga Koperasi (ALK), seksyen 44A pendedahan kepentingan dalam pembiayaan islam atau kemudahan kredit oleh ALK atau Ketua Pegawai Eksekutif(CEO), seksyen 44B pendedahan percanggahan kepentingan oleh ALK atau CEO koperasi, subseksyen 57(1E) mengkehendaki koperasi menyenggara kumpulan wang rizab statutori dalam akaun yang berasingan dan dilaburkan di dalam akaun deposit koperasi dan subseksyen 59(2A) semua pandangan SKM akan memberi kesan kewangan terhadap akaun koperasi hendaklah diselaraskan oleh koperasi dan ditunjuk dengan jelas dalam akaun koperasi.

Dalam Seksyen 86 Akta Koperasi 1993 juga menetapkan bahawa SKM diberi kuasa untuk membuat segala peraturan dengan kelulusan Menteri. Dalam Seksyen 86A dan 86B pula SKM diberi kuasa untuk mengeluarkan apa-apa Perintah, Arahan, Garis Panduan, Surat Pekeliling dan Notis. Bagi memastikan keberkesanan pengwujudan GP dan Pematuhan Perlaksanaannya satu kajian perlu dilakukan untuk menilai dari segi pematuhan GP koperasi yang menumpu kepada bahagian pengurusan koperasi.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pematuhan koperasi terhadap Garis Panduan(GP) SKM berkaitan dengan pengurusan koperasi.

## **SOROTAN KAJIAN**

### **Pematuhan**

Pematuhan dalam beberapa kajian lepas menjelaskan bahawa pematuhan adalah keselarasan tindakan dengan peruntukan undang-undang serta tindakan mematuhi undang-undang dan peraturan oleh mana-mana badan kawal selia yang diberi kuasa ke atasnya (Reiss, A., 1984; Hagland, G., 1993). Kajian Cohen, M. A. (2000) pula menyatakan bahawa pematuhan merupakan komitmen organisasi terhadap perundangan yang mengawal organisasi. Manakala menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, pematuhan merujuk kepada perbuatan atau tingkahlaku yang mengikut perintah.

Kajian Yapp, C. & Fairman, R. (2005), membandingkan definisi pematuhan berdasarkan perspektif penguatkuasa dan organisasi PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana). Didapati, penguatkuasa mendefinisikan pematuhan sebagai proses proaktif yang melibatkan pemantauan dan penilaian berterusan ke atas pematuhan undang-undang. Penguatkuasa turut melihat pematuhan sebagai pelengkap kepada aktiviti harian yang diusahakan oleh organisasi dan menjadi kewajipan organisasi mematuhi undang-undang yang berkaitan dengan aktiviti. Sebaliknya, organisasi PKS pula mendefinisikan pematuhan sebagai proses reaktif yang mana organisasi hanya akan patuh kepada undang-undang apabila penguatkuasa menjalankan pemeriksaan di premis mereka dan arahan pematuhan dikeluarkan semasa pemeriksaan dijalankan.

Berdasarkan definisi daripada kajian lepas dan diselaraskan dengan objektif serta skop kajian, definisi pematuhan untuk kajian ini merujuk kepada tindakan koperasi di Malaysia untuk mematuhi GP yang dikuatkuasakan oleh SKM seperti mana yang tertakluk kepada seksyen 86B (1), Akta Koperasi Malaysia 1993 (Pindaan 2007).

## **Tujuan Pematuhan**

Pematuhan bertujuan untuk menangani risiko yang berpunca daripada kegagalan untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan prosedur yang dikuatkuasakan. Ini selaras dengan kajian Birindelli, G. & Ferretti, P. (2013), yang mendefinisikannya sebagai risiko pematuhan. Risiko pematuhan ini boleh menyebabkan organisasi mengalami kerugian kewangan, kemerosotan reputasi dan sekatan undang-undang dan peraturan. Sehubungan itu, keperluan mewujudkan pengurusan risiko pematuhan perlu dilaksanakan dalam organisasi seperti mana penemuan kajian Adam, G. (1994), yang menekankan kepentingan proses pengurusan risiko pematuhan yang berterusan dan berulang dalam organisasi.

## **Aplikasi Pengukuhan Pematuhan**

Pelaksanaan program pematuhan dilihat dapat membantu organisasi memperkukuhkan tadbir urus yang baik dan mampu meningkatkan tahap kesedaran dan kewaspadaan tentang sebarang risiko pematuhan yang boleh dihadapi oleh organisasi (Okpara, J. O., 2011). Tindakan pengenaltian, pemantauan dan kawalan yang efektif bagi risiko pematuhan perlu sentiasa disemak dari semasa ke semasa. Ini untuk memastikan organisasi bertindak balas segera dan mengambil tindakan pembedahan yang bersesuaian. Justeru, pengukuhan pematuhan terhadap perundangan dalam kalangan organisasi boleh diwujudkan melalui fungsi pematuhan, budaya pematuhan dan pegawai pematuhan.

## **Fungsi Pematuhan**

Everson, M. *et al.* (2003), telah menggariskan beberapa keperluan untuk meningkatkan keberkesanan fungsi pematuhan iaitu:

- Struktur pelaporan yang jelas dan memaparkan komitmen setiap pekerja.
- Sumber manusia dan kewangan organisasi yang mencukupi.
- Penetapan peranan dan tanggungjawab serta skop aktiviti setiap jabatan/fungsi seperti jabatan/fungsi audit dalaman dan pematuhan.
- Pembahagian yang realistik ke atas tanggungjawab dan hendaklah didokumenkan dan dipantau secara berkala.
- Pengesahan terhadap penilaian keberkesanan program dan proses penambahbaikan yang sedang dijalankan.

Kajian Everson, M. *et al.* (2003), adalah selaras dengan kajian oleh Birindelli, G. & Ferretti, P. (2013), dan Taylor, C. (2005), iaitu berkaitan keperluan penetapan peranan, tanggungjawab dan skop aktiviti jabatan/fungsi dalam organisasi. Kedua-dua kajian ini menegaskan bahawa

perluanya perbezaan antara peranan fungsi pematuhan dengan fungsi audit dalam bagi mengelak daripada berlakunya pertindanan peranan dan tanggungjawab dengan fungsi yang lain.

Untuk menjamin bahawa fungsi pematuhan berperanan seperti mana yang ditetapkan, kajian Birindelli, G. & Ferretti, P. (2013), dan Taylor, C. (2005), menegaskan keperluan pengauditan ke atas fungsi pematuhan perlu dilakukan. Antara tujuan pengauditan untuk memastikan program pematuhan yang disediakan oleh organisasi selaras dengan keperluan kawal selia dan GP yang dibuat oleh pihak penguatkuasa. Di samping itu, peranan fungsi pematuhan dijalankan mengikut sistem delegasi kuasa yang ditetapkan dan pematuhan melaksanakan tugas berdasarkan prosedur khususnya merujuk kepada kandungan program pematuhan.

### **Budaya Pematuhan**

Amalan terbaik (best practices) bagi membudayakan pematuhan dalam organisasi dinyatakan dalam kajian Everson, M. *et al.* (2003), dan Morton, J. C. (2005). Kejayaan organisasi memperkukuhkan budaya pematuhan sukar untuk dibuktikan kerana bersifat subjektif. Budaya pematuhan mestilah sesuatu yang berakar umbi dalam urusan harian setiap pekerja. Pihak pengurusan kanan juga tidak terkecuali dan hendaklah menunjukkan kepimpinan melalui teladan.

### **Pegawai Pematuhan**

Keupayaan organisasi melaksanakan fungsi pematuhan dan mengamalkan budaya pematuhan dengan berkesan turut memerlukan pegawai pematuhan. Berperanan sebagai pegawai penasihat dan melaksanakan pengawasan yang sewajarnya bagi memastikan organisasi mahupun perniagaan melaksanakan pematuhan penuh terhadap undang-undang, kaedah, peraturan dan GP yang dikuatkuasakan (Hagland, G., 1993).

Kajian Rossi, L. C. (2010), pula mengetengahkan konsep kepimpinan pematuhan (compliance leadership) yang menekankan peranan pemimpin pematuhan sebagai kelebihan bersaing kepada sesebuah organisasi. Pemimpin pematuhan menjadi pemerhati terhadap kelakuan dalam organisasi dan hendaklah memastikan kelakuan yang betul diberi penekanan, pengiktirafan serta menjadi budaya dalam organisasi. Justeru, program pendidikan berterusan dan usaha pemantauan serta penguatkuasaan yang berkesan dalam organisasi dilihat dapat mempengaruhi tahap pematuhan ke atas perundangan yang ditetapkan. Bahagian yang seterusnya akan melihat kepada faktor-faktor yang mendorong pematuhan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Data kajian diperolehi dari tiga sumber utama iaitu melalui borang soal selidik, temuramah bersemuka, dan data sekunder seperti laporan tahunan serta kewangan koperasi, Undang-undang Kecil Koperasi, dokumen antaranya senarai koperasi Tier I dan Tier II, dan senarai 100 Koperasi Terbaik dan perbincangan awal dengan pihak SKM. Sampel dan saiz kajian berdasarkan data yang diperolehi daripada pihak SKM. Terdapat 38 buah koperasi yang dikategorikan sebagai koperasi Tier I dan Tier II berdasarkan kepada tafsiran SKM. Koperasi ini dikategorikan sebagai koperasi yang akan memberi kesan dalam gerakan koperasi sekiranya terdapat perkara positif atau negatif berlaku ke atas tadbir urus koperasi ini. Terdapat dua (2) set borang soal selidik untuk kajian ini. Set pertama borang soal selidik yang perlu dijawab oleh pihak ALK atau pihak pengurusan koperasi, manakala set kedua mempunyai soalan yang sama tetapi responden yang berbeza iaitu Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD).

Dua set borang soal selidik ini merupakan borang soal selidik berstruktur, setiap satu mempunyai kumpulan sasaran yang tertentu dan matlamat yang berbeza. Borang soal selidik ini mempunyai soalan berkaitan dengan profil responden dan koperasi, kesedaran responden terhadap GP SKM, pematuhan ke atas GP SKM (pengurusan) dan cabaran serta penambahbaikan terhadap GP SKM. Dalam kajian ini, data yang diperolehi dianalisis menggunakan program "*Statistical Package For Social Sciences (SPSS Versi 20)*". Maklumat berkaitan dengan koperasi, responden dan pematuhan GP SKM dianalisis dengan menggunakan pengiraan frekuensi, manakala maklumat selebihnya diperolehi secara temubual dan dibuat analisis secara subjektif. Analisis kualitatif digunakan pada bahagian E iaitu cabaran dan cadangan yang diberikan koperasi. Segala maklumat yang ini dianalisis dengan menggunakan kaedah "content analysis". Kemudian proses (*validity*) dilakukan dengan satu koperasi dipilih sama ada cabaran yang dialami mereka sama dengan jawapan kesemua koperasi yang telah digabung melalui kaedah kualitatif. Koperasi yang dipilih mempunyai tahap ketidakpatuhan yang tinggi terhadap GP. Penyelidik juga menetapkan bahawa kategori ketidakpatuhan kepada GP dinilai apabila didapati koperasi tidak mematuhi walaupun satu peruntukan di dalam GP berkenaan.

## **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini melibatkan 35 buah koperasi yang dikategorikan sebagai koperasi berimpak sederhana dan besar yang dikelaskan sebagai koperasi Tier I dan Tier II oleh pihak SKM. Daripada 35 buah koperasi ini seramai 70 orang responden yang terdiri daripada pandangan ALK (merangkumi ALK, pengurus dan kakitangan) dan pandangan JAD.

Analisis daripada 35 buah koperasi ini telah mendapati hanya 13 buah kopersi yang patuh sepenuhnya GP pengurusan koperasi. Manakala 22 buah koperasi mempunyai pelbagai kesalahan ketidakpatuhan ke atas GP. Ketidakpatuhan ini kebanyakannya berlaku ke atas

GP 14: GP berkaitan dengan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi sebanyak lapan belas (18) ketidakpatuhan, diikuti oleh GP 4: GP pelantikan dan Fungsi JAD sebanyak sembilan (9) ketidakpatuhan, GP 3: GP pelantikan dan pelantikan semula ALK sebanyak lima (5) ketidakpatuhan dan GP 26: GP Juruaudit yang diberi kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 61 (1) Akta Koperasi 1993 mempunyai satu (1) ketidakpatuhan.

GP 3 bagi pelantikan atau pelantikan semula ALK (pindaan) 2012 menghendaki sesuatu koperasi yang ditentukan melalui perintah yang dikeluarkan oleh SKM meminta penentusahan daripada SKM untuk proses pelantikan atau pelantikan semula ALK. Berkuatkuasa dari tarikh pemakaian GP3 (pindaan) 2012 pada 1 Januari 2013, kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditetapkan oleh SKM akan diberi pertimbangan sewajarnya dan tapisan akan dikendalikan oleh SKM untuk memastikan ALK yang dilantik dapat menjalankan tanggungjawab dengan berkesan. Menerusi GP3 (pindaan) 2012 ini, calon ALK yang berkenaan dan koperasi yang memohon penentusahan daripada SKM dikehendaki berurusan dengan institusi tertentu untuk melaksanakan sebahagian daripada proses tapisan.

Sehubungan itu, kajian ini mendapati kebanyakan koperasi dalam kategori Tier I dan Tier II mematuhi langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh koperasi dalam proses pelantikan atau pelantikan semula ALK. Hanya lima (5) buah koperasi daripada 35 buah koperasi dikesan tidak mematuhi GP 3. Merujuk kepada ketidakpatuhan GP 3 ini menjurus kepada borang-borang yang perlu dilengkapi oleh calon ALK dan koperasi serta hendaklah dikemukakan kepada pihak yang berkenaan iaitu SKM, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Jabatan Insolvency Malaysia (JIM). Hasil kajian mendapati tiga (3) borang yang gagal dipatuhi oleh koperasi untuk tujuan permohonan penentusahan bagi pelantikan atau pelantikan semula ALK. Borang yang terlibat adalah Borang Permohonan Laporan Kredit, Borang SKM/AK dan Borang K. Merujuk kepada Borang Permohonan Laporan Kredit, hanya dua (2) buah koperasi yang mana calon ALK tidak melengkapi dan seterusnya tidak menghantar borang ini kepada BNM untuk tujuan tapisan kewangan. Didapati, dua (2) buah koperasi sahaja tidak melengkapi dan seterusnya menghantar borang ini kepada JIM untuk maksud tapisan keutuhan. Manakala, hanya sebuah koperasi yang tidak melengkapi Borang SKM/AK iaitu berkaitan akuan penerimaan permohonan.

Kajian ini juga melihat kepada kepatuhan koperasi mengemukakan salinan surat pengesahan penentusahan kepada SKM sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum tarikh Mesyuarat Agung Koperasi (MAT). Keperluan pematuhan ini hanya tertakluk sekiranya tempoh penentusahan SKM masih sah iaitu dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun pada MAT yang berkenaan. Oleh yang demikian, ALK yang layak tidak perlu mengemukakan borang permohonan untuk pelantikan semula. Didapati hanya sebuah koperasi yang terlibat tidak mematuhi perkara ini. Dalam hal ini, koperasi tersebut tidak menghantar salinan surat pengesahan penentusahan kepada SKM untuk ALK yang layak dilantik semula pada MAT yang berkenaan.

**Jadual 1:** Kepatuhan dan Ketidakpatuhan GP 3 SKM - Mengikut Koperasi

Kenyataan	Status	Bilangan	Peratus(%)
Koperasi menghantar Borang SKM /BP untuk tujuan pelantikan dan pelantikan semula ALK.	Patuh	34	100
	Tidak Patuh	0	0
	Jumlah	34	100
Koperasi menghantar Borang SKM /TAP/ KEW untuk tujuan pelantikan dan pelantikan semula ALK.	Patuh	34	100
	Tidak Patuh	0	0
	Jumlah	34	100
Koperasi menghantar Borang Permohonan Laporan Kredit untuk tujuan pelantikan dan pelantikan semula ALK.	Patuh	32	94
	Tidak Patuh	2	6
	Jumlah	34	94
Koperasi menghantar Borang SKM/ALK untuk tujuan pelantikan dan pelantikan semula ALK.	Patuh	34	100
	Tidak Patuh	0	0
	Jumlah	34	100
Koperasi menghantar Borang SKM/AK untuk tujuan pelantikan dan pelantikan semula ALK.	Patuh	33	97
	Tidak Patuh	1	3
	Jumlah	34	100
Koperasi menghantar Borang K untuk tujuan pelantikan dan pelantikan semula ALK.	Patuh	32	94
	Tidak Patuh	2	6
	Jumlah	34	100
Koperasi menghantar salinan surat pengesahan penentusahan kepada SKM sekurang-kurangnya dua (2) sebelum tarikh MAT.	Patuh	33	97
	Tidak Patuh	1	3
	Jumlah	34	100

GP 4 Panduan Pelantikan dan Fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi(JAD), merupakan GP yang menetapkan syarat layak seorang JAD dan juga peranan yang dimainkan oleh JAD. Didapati ketidakpatuhan koperasi terhadap GP 4 kebanyakannya merangkumi ketidakpatuhan tentang kriteria yang perlu dipatuhi sebelum pelantikan sebagai seorang JAD sesebuah Koperasi. Kriteria yang perlu dipenuhi ialah setiap anggota yang akan dipilih sebagai JAD mesti tidak pernah disabitkan dengan suatu kesalahan bawah Akta, tidak dipecat sebagai pegawai sesuatu koperasi, tidak menjadi ALK koperasi ini dan tidak mempunyai hutang tertunggak melebihi enam (6) bulan dengan mana-mana koperasi atau perbankan.

Hasil analisis didapati sebelas (11) buah koperasi dikategorikan tidak patuh kerana koperasi ini tidak melihat atau mengambilkira tentang hutang tertunggak melebihi enam (6) bulan dengan



mana-mana koperasi atau perbankan sebagai salah satu kategori yang perlu dipenuhi sebelum melantik seseorang anggota sebagai JAD. Manakala, 25 buah koperasi memenuhi semua kriteria yang ditetapkan ini sebelum pelantikan seseorang anggota itu sebagai JAD.

**Jadual 2: Kriteria Pelantikan JAD**

Perkara/Kriteria		Patuh	Tidak Patuh
Tempoh kekosongan dalam JAD diisi		32	3 Koperasi
Kriteria Perlantikan JAD		Patuh	Tidak Patuh
1.	Tidak pernah disabit atas suatu kesalahan bawah Akta	35 koperasi	-
2.	Tidak dipecat sebagai pegawai sesuatu koperasi	35 koperasi	-
3.	Tidak menjadi ALK koperasi ini	35 koperasi	-
4.	Tidak mempunyai hutang tertunggak melebihi enam bulan (6) mana-mana koperasi atau perbankan	24 koperasi	11 koperasi

Selain itu, terdapat tiga (3) buah koperasi yang tidak patuh dalam perlantikan semula JAD apabila berlakunya kekosongan dalam jawatan JAD dalam tempoh lantikan mereka. Ketiga-tiga koperasi ini hanya akan memenuhi kekosongan ini dalam tempoh 60 hari dari tempoh kekosongan menyebabkan tindakan ini bertentangan dengan peruntukan yang ditetapkan di dalam GP4 yang mengkehendaki sekiranya berlaku kekosongan dalam jawatan JAD mesti dipenuhi dalam tempoh 30 hari selepas kekosongan.

GP 5 merupakan GP yang mewajibkan ALK dan JAD menghadiri kursus Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi, Pengurusan Kewangan Koperasi dan Pengurusan Strategik dalam tempoh lantikan. ALK yang gagal untuk menghadiri kursus ini dalam tempoh ditetapkan hendaklah meletak jawatan atau gugur dalam MAT akan datang dan tidak layak dilantik semula sebagai ALK sehingga telah menghadiri kursus wajib yang ditetapkan. ALK yang tidak mematuhi arahan ini bersalahan dengan perenggan 91(1)(b) Akta di mana mereka abai atau enggan melakukan sesuatu perbuatan seperti yang dikehendaki oleh SKM. Namun hasil penyelidikan mendapati kesemua ALK lantikan 2013/2014 telah menghadiri kursus yang ditetapkan ini. Kesemua 35 buah koperasi ini mematuhi GP 5 ini.

GP 13 menetapkan etika dan larangan yang wajib dipatuhi oleh calon anggota lembaga untuk sesebuah koperasi. Garis Panduan ini menetapkan bahawa semua calon hendaklah mempunyai etika seperti kejujuran, keterbukaan, ketelusan, kebertanggungjawaban dan keprihatinan. Di dalam analisis penyelidikan mendapati semua koperasi yang terlibat dalam penyelidikan ini mengambil berat dan menekankan kriteria ini sebelum melantik seseorang ALK. Selain itu, GP ini turut menyentuh tentang salah laku dan larangan kepada calon ALK. Antaranya larangan

memberi atau menerima rasuah dalam pelbagai bentuk, menggunakan kekerasan seperti ugutan dan paksaan, menfitnah melalui media cetak atau elektronik, berkempen dengan menggunakan kaedah provokatif yang boleh mewujudkan suasana tidak harmoni dalam koperasi, mengadakan perjumpaan dengan anggota dan memberi derma atau bantuan tidak melalui koperasi. Hasil analisis juga menunjukkan 35 buah koperasi yang terlibat dalam penyelidikan ini mematuhi semua salah laku dan larangan untuk semua calon ALK dan tiga buah koperasi menghadapi masalah untuk patuh GP ini. Ketiga-tiga buah koperasi ini mempunyai Jawatankuasa Disiplin untuk mengatasi masalah ini. Ia ditunjuk dalam jadual 3 di bawah.

**Jadual 3:** Kriteria Etika Perlantikan ALK

<b>Perkara</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
Perlanggaran Etika	3	32
Jawatankuasa Disiplin	3	32

GP 14 dikeluarkan oleh SKM untuk memberi panduan kepada koperasi berkaitan aspek pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi (MAT). GP 14 telah dikuatkuasakan pemakaiannya mulai 1 Januari 2011 selaras dengan peruntukan Seksyen 39, Akta Koperasi 1993. Penekanan GP 14 ini adalah kepada persiapan koperasi amnya dan ALK khususnya untuk MAT pada peringkat sebelum, semasa dan selepas MAT.

Umumnya, sebanyak 35 buah koperasi yang terlibat dalam kajian ini mengadakan MAT pada tahun 2013 tidak lewat daripada enam (6) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan. Hanya sebuah koperasi yang mengadakan MAT dalam tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh SKM. Hasil kajian ke atas tindakan sebelum MAT mendapati 32 buah koperasi terlibat mematuhi penghantaran notis MAT kepada anggota sekurang-kurangnya lima belas (15) hari sebelum MAT (94.29 peratus). Penghantaran notis MAT kepada SKM tidak kurang 30 hari hanya dipatuhi oleh 23 koperasi (65.72 peratus). Selain itu, tindakan menyediakan penyata kewangan bagi maksud pengauditan oleh koperasi mendapati sebelas (11) buah koperasi tidak menyediakannya dalam tempoh tidak lewat daripada dua (2) bulan selepas tamatnya tahun kewangan (68.57 peratus) sepertimana tertakluk dalam Seksyen 58 (3), Akta Koperasi 1993 dan GP 14.

Hasil kajian terhadap tindakan semasa MAT, melihat kepada tanggungjawab ALK membentangkan penyata kewangan teraudit bersekali lain-lain laporan dalam MAT. Didapati sebilangan besar koperasi (33 koperasi) mematuhi tindakan ini dan anggota atau perwakilan boleh menyemak, menilai dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas sebarang isu berkaitan dengan penyata kewangan koperasi. Daripada segi penyata kewangan, didapati kesemua koperasi membentangkannya dalam MAT.

Manakala hasil kajian terhadap tindakan selepas MAT mendapati 32 buah koperasi mengemukakan minit MAT kepada SKM dalam tempoh tidak lewat daripada 30 hari tetapi dari aspek tempoh penghantaran senarai ALK kepada SKM mendapati tujuh (7) buah koperasi tidak mematuhi tempoh yang ditetapkan iaitu tidak lewat daripada 15 hari selepas MAT.

**Jadual 4:** Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi

Kenyataan	Status	Bilangan	Peratus (%)
Menghantar notis MAT kepada anggota sekurang-kurangnya 15 hari sebelum MAT.	Patuh	33	94.29
	Tidak patuh	2	5.71
	Jumlah	35	100
Menghantar notis MAT kepada SKM tidak kurang daripada 30 hari sebelum MAT.	Patuh	23	65.72
	Tidak Patuh	12	34.28
	Jumlah	35	100
Menyediakan penyata kewangan tidak lewat daripada dua bulan selepas tamat tahun kewangan.	Patuh	24	68.57
	Tidak Patuh	11	31.43
	Jumlah	35	100
Koperasi tidak meneruskan MAT pada tarikh yang ditetapkan kerana tidak cukup kuorum.	Patuh	33	94.29
	Tidak patuh	2	5.71
	Jumlah	35	100
Koperasi bertanggungjawab membentangkan penyata kewangan dalam MAT.	Patuh	35	100
	Tidak Patuh	0	0
	Jumlah	35	100
Koperasi mengemukakan senarai ALK kepada SKM tidak lewat daripada 15 hari selepas MAT.	Patuh	28	80
	Tidak Patuh	7	20
	Jumlah	35	100
Koperasi menghantar minit MAT tidak lewat daripada 30 hari selepas MAT.	Patuh	32	9.43
	Tidak Patuh	3	8.57
	Jumlah	35	100

GP 26 untuk Juruaudit Luar (JAL) yang diberi kelulusan untuk mengaudit koperasi di bawah Subseksyen 61(1) Akta Koperasi 1993. Sebanyak tiga soalan dikemukakan untuk GP ini iaitu siapa juruaudit luar yang dilantik, surat balas persetujuan penerimaan lantikan dan tempoh juruaudit luar berkhidmat dengan koperasi. Hasil soal selidik mendapati kesemua koperasi melantik juruaudit luar yang berdaftar dengan pihak SKM dan sebanyak tiga buah koperasi menggunakan perkhidmatan SKM sendiri sebagai Juruaudit Luar.

Sebanyak 34 buah koperasi menerima maklumbalas persetujuan pelantikan sebagai JAL dan hanya sebuah koperasi sahaja tidak menerima surat persetujuan ini. Kesemua koperasi ini mematuhi syarat berkaitan dengan tempoh yang dibenarkan untuk Juruaudit luar bertanggungjawab melakukan pengauditan untuk sesebuah koperasi. Mengikut GP ini JAL tidak dibenarkan mengaudit sesebuah koperasi melebihi enam tahun kewangan berturut-turut sebagaimana kehendak subseksyen 61(2) Akta.

**Jadual 5 : Pelantikan Juruaudit Luar**

Juruaudit Luar	Bilangan Koperasi	
	Ya	Tidak
Lantikan SKM	3	32
Juruaudit daripada firma audit berdaftar dengan SKM	32	3
<b>Perkara</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
Menerima Surat Persetujuan JAL	34	1
<b>Perkara</b>	<b>Lebih 6 Tahun</b>	<b>Kurang 6 Tahun</b>
Tempoh Lantikan JAL	-	35

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Dalam GP pengurusan, ketidakpatuhan paling banyak berlaku ke atas GP 14 Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi yang melibatkan kegagalan menyediakan penyata kewangan bagi maksud pengauditan dalam tempoh 2 bulan selepas tamat tahun kewangan dan kegagalan menghantar notis Mesyuarat Agung Tahunan kepada SKM tidak kurang daripada 30 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan. GP kedua pengurusan yang mengalami ketidakpatuhan tinggi ialah GP 4 iaitu berkaitan dengan pelantikan dan fungsi JAD. Kebanyakan koperasi tidak mengambil kira hutang tertunggak melebihi 6 bulan mana-mana koperasi ataupun perbankan yang merupakan kriteria syarat pelantikan JAD. Manakala, GP yang dipatuhi oleh semua koperasi ialah GP 5 yang mewajibkan ALK dan JAD untuk menghadiri kursus wajib. Sebanyak 13 buah koperasi pula mematuhi kesemua GP yang berkaitan dengan Pengurusan Koperasi. Ini jelas menunjukkan bahawa koperasi tidak mempunyai masalah dalam mematuhi GP SKM yang berkaitan dengan pengurusan.

Oleh itu adalah dicadangkan agar:

1. Pendedahan tentang kepentingan dan tujuan GP diwujudkan perlu dipergiatkan oleh pihak SKM, MKM dan ANGKASA untuk meningkatkan kefahaman dan mendapat sokongan yang sewajarnya daripada koperasi. Ia boleh dilaksanakan sama ada melalui ceramah, bersemuka, wujudkan brosur atau secara talian.

2. SKM hendaklah meningkatkan penguatkuasaan ke atas koperasi untuk memastikan koperasi berada di landasan yang betul.
3. Ilmu tentang GP dan perundangan koperasi hendaklah dipertingkatkan secara menyeluruh di kalangan pegawai SKM, MKM dan ANGKASA untuk memastikan maklumat disampaikan kepada koperasi pada maksud yang sama disamping meningkatkan ilmu pengetahuan pegawai dalam berhadapan dengan pihak koperasi.

## RUJUKAN

- Adam, G. (1994). What is compliance?. *Journal of Financial Regulation and Compliance*, 2 (4).
- Akinboade.O.A., & Kinfack. E.(2012). Regulation, awareness, compliance and SME performance in Cameroon's manufacturing and retail sectors. *International Journal of Social Economics*, 39(12), 993-950.
- Birindelli, G., & Ferretti, P. (2013). Compliance function in Italian banks: Organizational issues. *Journal of Financial Regulation and Compliance*, 21(3), 217-240.
- Cohen, M.A., (2000). Empirical research on the deterrent affect on environmental monitoring and enforcement. *Environmental Law Reporter*, 30, 10245-10252.
- Doyle, E. (2007). Compliance obstacles to competitiveness. *Journal of Corporate governance*, 7(5), 612-622.
- Everson. M., Ilako.C., & Florio.D.Carlo. (2003). Corporate governance, business ethics and global compliance management. Retrieved from [www.aba.com/compliance/documents](http://www.aba.com/compliance/documents).
- Hagland, G., (1993). Effective compliance v regulatory gestation. *Journal of Financial Regulation and Compliance*, 2(1).
- Mpeera Ntayi, J., Ngoboka, P., Mutebi, H., & Sitenda, G. (2012). Social value orientation and regulatory compliance in Ugandan public procurement. *International Journal of Social Economics*, 39(11), 900-920.
- Okpara, J. O. (2011). Corporate governance in a developing economy: barriers, issues, and implications for firms. *Corporate Governance: The International Journal of Business in Society*, 11(2), 184-199.
- Reiss, A. (Eds). (1984). *Selecting strategies of social control over organisational life*. London: Kluwer-Nijhoff.
- Rossi, L.C. (2010). Compliance : an over-looked business strategy. *International Journal of Social Economics*, 37(10), 816-831.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2015). *Akta Koperasi 1993 (Akta 502) & Perauran-peraturan*. Kuala Lumpur. Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2010). Dasar koperasi negara 2011-2020. Retrieved from [http://www.skm.gov.my/SKMPortal/media/Main-Root SKM/Gerakan%20Koperasi/Dasar%20Koperasi%20Negara/Document\(pdf\)/DKN\\_versi\\_penuh.pdf](http://www.skm.gov.my/SKMPortal/media/Main-Root_SKM/Gerakan%20Koperasi/Dasar%20Koperasi%20Negara/Document(pdf)/DKN_versi_penuh.pdf). Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2014). *Garis panduan SKM*. Retrieved from [http://www.skm.gov.my/Perundangan/Garis-Panduan/Garis-Panduan-SKM\\_i.aspx](http://www.skm.gov.my/Perundangan/Garis-Panduan/Garis-Panduan-SKM_i.aspx)

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2012). *Penyeliaan risiko koperasi "Priskop"*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Sutinen, J. G., & Kuperan, K. (1999). A socio-economic theory of regulatory compliance. *International Journal of Social Economics*, 26(1/2/3), 174-193.

Taylor, C. (2005). The evolution of compliance. *Journal of Investment Compliance*, 6(4), 54-58.